

TATACARA PENGURUSAN PENDERMA ORGAN DAN TISU KADAVERIK YANG TERLIBAT DALAM SIASATAN POLIS

Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2013

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital Kuala Lumpur mengenai tatacara pengurusan penderma organ dan tisu kadaverik yang terlibat dengan siasatan polis. Tatacara pengurusan kes-kes ini dilaksanakan bersama dengan dua pihak lagi iaitu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) berdasarkan Arahan Ketua Polis Negara, no 91, bertarikh 24 Ogos 2012 dan Mahkamah berdasarkan Surat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan kepada Majistret bertarikh 24 Ogos 2010.

PENGENALAN

2. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk membangunkan perkhidmatan transplan di negara ini. Ini termasuklah menghasilkan Polisi Transplantasi Organ Tisu dan Sel Kebangsaan (ruj. MOH/P/PAK/131.07(BP)) pada tahun 2007.
3. Antara strategi penting yang telah dikenalpasti dalam polisi tersebut adalah mempertingkatkan kadar pendermaan organ dan tisu melalui:
 - 3.1. Memperkukuhkan perkhidmatan (klinikal) perolehan organ dan tisu agar pengurusan kes-kes yang berpotensi dapat dilakukan dengan lebih efisien; dan
 - 3.2. Memperkukuhkan inisiatif bagi mempertingkatkan kesedaran dan penerimaan orang awam serta anggota kesihatan terhadap kepentingan pendermaan organ dan tisu kadaverik.

4. Selaras dengan pelaksanaan strategi tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama pihak PDRM dan Mahkamah Persekutuan telah menyelaraskan tatacara pengurusan penderma organ dan tisu kadaverik yang terlibat di dalam siasatan polis agar proses perolehan organ dan tisu dapat dilakukan dengan lebih pantas dan berkesan mengikut undang-undang.

KEIZINAN UNTUK MELAKUKAN PROSES PEMINDAHAN DAN PENGGUNAAN ORGAN DAN TISU

5. Merujuk kepada subseksyen 2(2) Akta Tisu Manusia 1974 [*Akta 130*], keizinan waris si mati diperlukan sebelum suatu proses pemindahan organ atau tisu dapat dilakukan oleh pengamal perubatan berdaftar penuh.
6. Walau bagaimanapun, di bawah subseksyen 3(3) Akta Tisu Manusia 1974 [*Akta 130*] tersebut, bagi kes-kes pendermaan organ atau tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis, persetujuan bertulis Majistret diperlukan selain keizinan waris si mati.

APAKAH KES YANG MELIBATKAN SIASATAN POLIS

7. Merujuk kepada Seksyen 329 Kanun Tatacara Jenayah, kes-kes kematian yang melibatkan penyiasatan oleh pihak Polis adalah:
 - 7.1. Seseorang telah membunuh diri;
 - 7.2. Seseorang telah dibunuh oleh orang lain atau dibunuh oleh binatang, atau jentera atau mati kerana kemalangan;
 - 7.3. Seseorang yang telah mati dalam keadaan yang menimbulkan syak munasabah bahawa orang lain telah melakukan suatu kesalahan;
 - 7.4. Mayat dijumpai tetapi tidak diketahui akan sebab-sebab kematian atau
 - 7.5. Seseorang telah mati mengejut
8. Berdasarkan kepada perangkaan dari Januari 2008 hingga 31 Ogos 2010, didapati sebanyak 55% dari jumlah keseluruhan kes-kes berpotensi yang dirujuk ke Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN), Hospital Kuala Lumpur adalah kes-kes yang terlibat di dalam siasatan pihak Polis terutamanya kes kemalangan jalan raya.

KEPENTINGAN MENGURUSKAN PENDERMA KADAVERIK DENGAN SECEPAT MUNGKIN

9. Kes-kes penderma organ dan tisu kadaverik dalam siasatan polis hendaklah diuruskan dengan **secepat mungkin** kerana:
 - 9.1. Penderma organ dan tisu kadaverik yang kematian otak (*brain death*) boleh mengalami pemberhentian jantung (*asystole*) pada bila-bila masa dan ini akan menyebabkan organ yang ingin didermakan tidak dapat digunakan lagi;
 - 9.2. Kebanyakan ahli keluarga berkehendakkan mayat penderma diuruskan dengan segera. Pengurusan mayat yang terlalu lama terutamanya yang terlibat dalam siasatan polis boleh menyebabkan ahli keluarga membatalkan hasrat atau keizinan menderma organ/ tisu di saat akhir;
 - 9.3. Bagi kes pendermaan kadaverik di luar Lembah Klang, pasukan bedah perlu didatangkan khas dengan segera dari Kuala Lumpur seperti Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang, Institut Jantung Negara. Sekiranya ahli keluarga membatalkan hasrat pada saat terakhir, ini akan menyebabkan pembaziran masa dan sumber kerajaan.
10. Oleh itu, pihak-pihak berkaitan hendaklah mengambil maklum serta memahami prosedur yang perlu dipatuhi supaya kes-kes tersebut dapat diuruskan dengan lebih berkesan menurut peruntukan undang-undang.

TATACARA PENGURUSAN

11. Pihak hospital atau jabatan hendaklah mengenalpasti anggota perubatan bagi menguruskan kes-kes berpotensi sebagai penderma kadaverik yang terlibat di dalam siasatan polis ("**Anggota Perubatan yang Bertanggungjawab**"). Anggota perubatan boleh terdiri daripada:
 - 11.1. pegawai perubatan pakar;
 - 11.2. pegawai perubatan; atau
 - 11.3. anggota paramedik (jururawat atau penolong pegawai perubatan).
12. Di samping itu, anggota perubatan yang bertanggungjawab juga boleh dilantik dari kalangan:
 - 12.1. Pengurus Klinikal Transplan atau Kordinator Transplan;
 - 12.2. Ahli Pasukan Perolehan Organ dan Tisu (*Tissue and Organ Procurement Team – TOP Team*); atau
 - 12.3. Bagi hospital yang tidak mempunyai *TOP Team*, anggota perubatan di mana-mana jabatan yang dikenalpasti oleh Pengarah Hospital.
13. Anggota perubatan yang bertanggungjawab perlu memastikan **laporan polis** telah pun dibuat. Sekiranya belum, laporan Polis hendaklah dibuat di mana-mana balai polis termasuklah di pondok-pondok polis hospital. Laporan polis boleh dibuat oleh waris si mati atau mana-mana anggota perubatan yang terlibat di dalam pengurusan pesakit tersebut.
14. Anggota perubatan yang bertanggungjawab hendaklah **memaklumkan** mengenai kes tersebut kepada Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur selepas ujian pertama kematian otak (*first brain death test*) dilakukan oleh doktor-doktor pakar yang berkaitan.
15. Selanjutnya, anggota perubatan yang bertanggungjawab hendaklah **mengenalpasti Pegawai Penyiasat yang Bertanggungjawab** terhadap kes penderma kadaverik tersebut dengan menghubungi balai polis terdekat atau yang terlibat. Anggota perubatan yang bertanggungjawab juga boleh menghubungi Pusat Sumber Transplan Nasional jika perlu, bagi membantu mengenalpasti pegawai penyiasat tersebut. Pegawai penyiasat yang bertanggungjawab adalah pegawai penyiasat yang bertugas di tempat di mana suatu kejadian itu berlaku ("tempat siasatan"). Pegawai penyiasat ini akan menjalankan siasatan terhadap kes penderma kadaverik tersebut.

16. Pegawai penyiasat yang bertanggungjawab perlu **dimaklumkan dengan segera** mengenai kes tersebut serta keperluan mendapatkan persetujuan bertulis Majistret untuk melakukan proses perolehan organ dan tisu.

17. Sekiranya pesakit telah dirujuk ke hospital yang berjauhan dari tempat siasatan:

17.1. Pegawai penyiasat yang bertanggungjawab boleh meminta wakil dari kalangan pegawai penyiasat dari kontinjen atau daerah hospital yang dirujuk bagi membantu anggota perubatan yang bertanggungjawab mendapatkan persetujuan bertulis Majistret dengan merujuk kepada perkara 3.2.3 Arahan Tetap Ketua Polis Negara no ruj. 91 bertarikh 24 Ogos 2012);

17.2. Pegawai penyiasat yang bertanggungjawab hendaklah menyediakan keterangan kes dan ulasan penyiasatan dengan mengisi Borang A - PDRM di dalam Arahan Tetap Ketua Polis Negara dan seterusnya difakskan kepada pegawai penyiasat di kontinjen atau daerah hospital yang dirujuk.

18. Anggota perubatan yang bertanggungjawab perlu memastikan beberapa **borang** (seperti lampiran) telah pun diisi sebelum pertemuan dengan pihak Majistret iaitu:

18.1. **Borang A** – KKM - Borang Keizinan Pemindahan Dan Penggunaan Bahagian-Bahagian Badan Untuk Kes Yang Terlibat Dalam Siasatan Polis
Borang ini untuk merekodkan keizinan waris simati sebelum suatu proses perolehan organ atau tisu dilakukan keatas penderma kadaverik. Borang ini hendaklah ditandatangani oleh waris si mati dengan kehadiran seorang saksi.

18.2. **Borang B** – KKM - Borang Penurunan Kuasa
Borang ini untuk merekodkan penurunan kuasa dari waris simati kepada seorang anggota perubatan bagi memohon persetujuan bertulis pihak Majistret. Borang ini hendaklah ditandatangani oleh waris si mati dengan kehadiran seorang saksi.

18.3. **Borang C** – KKM - Borang Memohon dan Persetujuan Bertulis Majistret
Borang ini untuk merekodkan permohonan Anggota Perubatan Bertanggungjawab dan persetujuan bertulis dari pihak Majistret. Butir-butir serta tandatangan pegawai penyiasat atau wakil hendaklah diisi dalam perkara 4 borang ini. Borang ini hendaklah ditandatangani oleh seorang anggota perubatan selaku Pemohon yang telah diberi kuasa waris si mati melalui Borang B – KKM - Borang Penurunan Kuasa. Borang ini juga

hendaklah ditandatangani oleh Majistret yang memberikan atau menolak persetujuan bertulis sesuatu permohonan.

19. Anggota perubatan yang bertanggungjawab hendaklah memastikan setiap ruangan dalam borang-borang tersebut termasuk nombor rekod pesakit, nombor laporan polis, nama, alamat dan nombor telefon diisi dengan jelas dan lengkap.
20. Semua kes penderma organ/ tisu yang terlibat dalam siasatan polis hendaklah mendapat khidmat perundingan dari Pakar Perubatan Forensik yang bertanggungjawab bagi hospital tersebut terlebih dahulu.
21. Pegawai Penyiasat yang Bertanggungjawab atau wakil akan menjalankan prosedur penyiasatan tertentu sebelum proses perolehan organ dan tisu dilakukan seperti merakam gambar mayat penderma kadaverik, membuat pemeriksaan luaran mayat atau berbincang dengan pihak Jabatan Perubatan Forensik mengenai klasifikasi kes dan proses bedah siasat selanjutnya.
22. Langkah selanjutnya ialah Anggota Perubatan yang Bertanggungjawab hendaklah **mengenalpasti Majistret** yang Bertugas Atas Panggilan serta bertanggungjawab bagi kawasan / daerah hospital tersebut dengan bantuan balai polis yang berdekatan. Majistret yang bertugas atas panggilan hendaklah dihubungi dengan kadar segera dan dimaklumkan mengenai kes tersebut serta diatur temujanji untuk mendapatkan persetujuan bertulis. Pertemuan dengan pihak Majistret boleh dibuat pada bila-bila masa termasuk di luar waktu pejabat (*merujuk kepada Surat Perintah Di Bawah Seksyen 3(3) Akta Tisu Manusia 1974 dari Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, no ruj. JK/MP/MP16Jld.5 kepada Majistret bertarikh 24 Ogos 2010*). Pertemuan tersebut perlu disertai oleh Pegawai Penyiasat yang Bertanggungjawab atau wakil. Pertemuan tersebut hendaklah diatur selepas ujian kedua kematian otak (*second brain death test*) yang dilakukan sekurang-kurangnya 6 jam selepas ujian pertama dilakukan (*first brain death test*).
23. Semasa pertemuan dengan pihak Majistret, Anggota Perubatan yang Bertanggungjawab hendaklah mengemukakan Borang A – KKM, Borang B – KKM dan Borang C – KKM selain Borang A – PDRM yang dikemukakan oleh pihak pegawai penyiasat. Sekiranya pihak Majistret bersetuju untuk memberi persetujuan bertulis, Anggota Perubatan yang Bertanggungjawab hendaklah mengemukakan **Borang/Surat Izin Majistret Pemindahan Dan Penggunaan Bahagian-Bahagian Badan Di Bawah Subseksyen 3(3) Akta Tisu Manusia 1974** untuk ditandatangani oleh pihak Majistret.

24. Langkah seterusnya ialah Anggota Perubatan Bertanggungjawab mengemukakan Borang A, Borang B dan Borang C kepada Pengurus Klinikal Transplan atau Kordinator Transplan. Pengurus Klinikal Transplan atau Kordinator Transplan hendaklah memastikan ruangan catatan pembedahan (*operation notes*) di dalam Borang Rujukan Penderma diisi oleh pakar-pakar bedah yang melakukan pembedahan perolehan bagi organ-organ tertentu. Catatan pembedahan ini merupakan suatu dokumentasi mengenai jenis organ atau tisu yang telah diambil daripada penderma kadaverik tersebut. Pegawai penyiasat atau wakilnya boleh merakam percakapan pegawai yang menjalankan perolehan organ/ tisu dan rakaman percakapan tersebut boleh dibuat pada bila-bila masa setelah proses perolehan organ/ tisu dilakukan.
25. Setelah pembedahan perolehan organ/tisu selesai dijalankan oleh pasukan bedah, mayat penderma kadaverik hendaklah dihantar ke Bilik Mayat untuk meneruskan proses bedah siasat dan urusan penyerahan mayat kepada waris. Pihak Hospital termasuk Jabatan Perubatan Forensik dan *TOP Team* hendaklah memastikan mayat penderma diuruskan dengan baik, sempurna dan secara terhormat.

PERANAN PIHAK-PIHAK YANG BERKAITAN

26. Peranan pihak **Jabatan Kesihatan Negeri:**

- 26.1. Memastikan semua Pengarah Hospital dan Ketua Pasukan Perolehan Organ dan Tisu mengambil maklum mengenai tatacara pengurusan penderma organ dan tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis untuk dilaksanakan;
- 26.2. Pasukan Perolehan Organ dan Tisu di hospital-hospital yang telah ditubuhkan perlu terus diperkukuhkan agar pengurusan suatu kes pendermaan organ dan tisu kadaverik dapat dilakukan dengan lebih berkesan selaras dengan Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bilangan 4 tahun 2008; Perkhidmatan Perolehan Organ Dan Tisu Kadaverik Kementerian Kesihatan Malaysia.

27. Peranan **Pengarah Hospital:**

- 27.1. Memastikan ahli Pasukan Perolehan Organ dan Tisu serta Jabatan-jabatan yang berkenaan mengambil maklum mengenai tatacara pengurusan penderma organ dan tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis untuk dilaksanakan;
- 27.2. Mengenalpasti anggota perubatan yang boleh dilantik sebagai Anggota Perubatan yang Bertanggungjawab menguruskan kes-kes berpotensi sebagai penderma kadaverik yang terlibat di dalam siasatan polis;
- 27.3. Menyokong peranan yang dimainkan oleh Pengurus Klinikal Transplan, Kordinator Transplan dan anggota perubatan yang lain di dalam menguruskan sesuatu kes termasuklah membantu dari segi urusan logistik seperti pengangkutan;
- 27.4. Memastikan urusan pengendalian mayat penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisien dan terhormat.

28. Peranan **Pusat Sumber Transplan Nasional:**

- 28.1. Memberi kesedaran dan mendidik anggota perubatan termasuk ahli Pasukan Perolehan Organ dan Tisu dan pakar-pakar bedah yang berkenaan mengenai pengurusan penderma organ dan tisu kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis;
- 28.2. Bekerjasama dengan pihak PDRM dan pihak Mahkamah Persekutuan untuk menjalankan aktiviti kesedaran dan pendidikan kepada anggota polis dan pihak Majistret;
- 28.3. Membantu Anggota Perubatan yang Bertanggungjawab di peringkat hospital untuk menjalankan tugas di dalam menguruskan sesuatu kes;

- 28.4. Memastikan anggota keluarga mendapat sokongan yang sewajarnya termasuklah sokongan psikologi ketika berhadapan dengan kematian ahli keluarga;
- 28.5. Memastikan urusan pengendalian mayat penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisien dan terhormat;
- 28.6. Memastikan dokumentasi serta pengurusan maklumat pesakit dilakukan secara sistematik berpandukan prosedur yang sedia ada;
- 28.7. Memastikan komunikasi di antara anggota Kementerian Kesihatan Malaysia dengan agensi-agensi yang berkaitan seperti anggota polis dan pihak Majistret dilakukan secara professional bagi memelihara serta menghargai kerjasama yang diberikan.

29. Peranan **Jabatan Perubatan Forensik:**

- 29.1. Memastikan kelancaran proses post mortem yang dijalankan kepada mayat penderma dengan kerjasama pihak polis, TOP Team dan lain-lain yang berkaitan;
- 29.2. Memastikan urusan penyerahan mayat kepada waris dilakukan dengan secepat mungkin;
- 29.3. Memastikan urusan pengendalian mayat penderma selepas proses perolehan organ dan tisu dijalankan dengan efisien dan terhormat;
- 29.4. Memberi kerjasama kepada Pusat Sumber Transplan Nasional dan TOP Team di dalam menguruskan kes-kes penderma organ/tisu kadaverik.

KESIMPULAN

30. Proses perolehan organ dan tisu dari penderma kadaverik yang terlibat dalam siasatan polis hendaklah dilakukan dengan pantas dan berkesan mengikut undang-undang. Pengurusan kes memerlukan kerjasama mantap daripada pelbagai pihak seperti pihak PDRM, pihak Majistret, pihak pengurusan hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri.
31. Kesediaan waris untuk memberi keizinan pendermaan organ dan tisu hendaklah dihormati dan dihargai. Malah sokongan psikologi kepada ahli keluarga yang menghadapi kematian ahli keluarga hendaklah dititikberatkan dan menjadi amalan berterusan.

PERTANYAAN

32. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, sila hubungi:

Bahagian Perkembangan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 5, Blok E1, Parcel E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya

Pej (603) 88833888 atau (603) 88831165

Faks (603) 88831155

Emel transplantation_unit@moh.gov.my

Pusat Sumber Transplan Nasional

Hospital Kuala Lumpur

Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur

Pej (603) 26810681

Faks (603) 26810680

Emel ntrc@hkl.moh.gov.my


Talian bebas tol 1-800-88-9080

Laman sesawang www.agiftoflife.gov.my

TARIKH KUATKUASA

33. Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

CARTA ALIR TATACARA PENGURUSAN PENDERMA ORGAN DAN TISU KADAVERIK YANG TERLIBAT DALAM SIASATAN POLIS OLEH ANGGOTA PERUBATAN YANG BERTANGGUNGJAWAB



Pegawai penyiasat boleh membuat rakaman percakapan bila-bila masa selepas proses perolehan organ/tisu dilakukan dari pegawai yang menjalankan pembedahan tersebut.